



SIARAN MEDIA

INSKEN BUSINESS COACHING – LONJAKAN PENDAPATAN 288 USAHAWAN, CIPTA 251 PELUANG PEKERJAAN BAHARU

SELANGOR, 17 JANUARI 2020 – Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) telah menganjurkan Majlis Graduasi Program *INSKEN Business Coaching & Business Enhancement Programme 2019* bertempat di Grand Dorsett, Subang Jaya Selangor. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Dr Mohd Hatta Md Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan.

INSKEN Business Coaching & Business Enhancement Programme 2019 merupakan program pembangunan usahawan bagi meningkatkan skala perniagaan mengikut industri yang berkaitan. Ia bertujuan untuk memberikan panduan kepada usahawan untuk mengembangkan dan melonjakkan prestasi perniagaan. Selain itu, usahawan juga dapat mempelajari dan menguasai teknik menguruskan perniagaan dengan berkesan.

Menurut YB Datuk Wira Dr Mohd Hatta Md Ramli, “Keberhasilan program coaching ini menunjukkan pencapaian yang cemerlang apabila 62% daripada peserta IBC dan 51% daripada peserta BEP tahun 2019 dapat meningkatkan jualan perniagaan masing-masing di antara 20% hingga melebihi 100% serta 251 peluang pekerjaan baru dicipta dalam tempoh 4 bulan program dijalankan”.

Tambah beliau lagi, Program IBC dan BEP merupakan program yang telah ditetapkan KPI tersendiri iaitu peningkatan jualan tidak kurang dari 20% serta keupayaan menawarkan peluang pekerjaan, dan ini sekaligus membuktikan sasarannya tercapai.

Program yang memasuki tahun ketiga penganjurannya oleh INSKEN berjaya menghimpunkan 288 usahawan dari seluruh Malaysia. Ia terbahagi kepada 243 usahawan yang telah menjalani latihan INSKEN *Business Coaching (IBC)* “one-to-one” secara komprehensif selama 4 bulan bermula April 2019 hingga Disember 2019, dan 45 usahawan dari *Business Enhancement Programme* yang dijalankan dari Ogos hingga Disember 2019”.

Tahun 2019, program IBC telah memberi fokus kepada tujuh (7) industri iaitu Ecotourism, Bakery, Car Workshop, Tailor, Wedding Planner, Cafe & Restaurant dan Homestay. Kejayaan program IBC kali ini juga adalah hasil kolaborasi INSKEN bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan GIATMARA.

Antara pengisian program IBC adalah Sesi Bersama Industri Coach (*Workshop*), Sesi Pementoran (*one-to-one* dan *group coaching*), Sesi *Business Improvement*, INSKEN *Business Training* dan *Benchmark Visit*. Mentor bagi program ini merupakan pakar dalam industri masing-masing dan juga Biskaunselor INSKEN.

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)
17 Januari 2020